

Tamu Gadang Ke-14 2012

Tamu Gadang yang berlangsung 17 hingga 24 September 2012 merupakan aktiviti tahunan sempena Majlis Konvokesyen UMS bagi meraikan graduan yang baru sahaja bergraduat amat bermakna bagi tahun 2012. Majlis Perasmian yang disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima Haji Juhar Haji Mahiruddin iaitu Canselor

kepada Universiti Malaysia Sabah diselitkan dengan pengisian Perbarisan Istiadat oleh Badan-badan Beruniform UMS, persembahan tarian dan melepaskan burung dan belon ke udara sebagai simbolik perasmian. Tuan Yang Terutama Tun juga sempat membuat lawatan ke gerai-gerai pameran pelajar dan pameran akademik.

